

27 APR 2001

DR MAHATHIR BERTEMU PUTERA MAHKOTA DUBAI

DUBAI, 27 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertemu dengan Putera Mahkota Dubai Sheikh Mohammed bin Rashid Al-Maktoum yang juga Menteri Pertahanan negara itu, di sini, hari ini.

Dr Mahathir juga dijadual menunaikan solat Jumaat di Masjid Jumeira, selepas pertemuan itu.

Pada sebelah petang, Perdana Menteri dijadualkan melawat hotel terkemuka di dunia, Burj Al-Arab.

Sebelum pulang ke tanah air esok, Dr Mahathir akan menghadiri majlis makan malam yang dianjurkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Ekonomi Dubai, Mohammad Ali Al-Abbar.

Dr Mahathir tiba di sini, semalam bagi lawatan rasmi dua hari ke Emiriyah Arab Bersatu.

-- BERNAMA

HS ES PR